



AJARAN SESAT

ANCAMAN MASA INI

Topik ajaran sesat kembali mencuri tumpuan umat Islam di Malaysia pada hari ini apabila tular dalam media sosial video pendedahan berkaitan dengan sekumpulan individu yang dikaitkan dengan kumpulan al-Arqam. Kumpulan tersebut pernah difatwakan sebagai menyeleweng pada suatu ketika dahulu, sehingga menimbulkan keresahan awam.

Secara umumnya, ajaran sesat ialah ajaran yang menyeleweng daripada agama Islam yang sebenar. Secara khususnya pula, ajaran sesat bermaksud sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan akidah islamiah, al-Quran dan sunah, serta mazhab yang muktabar, iaitu Ahli Sunah Waljamaah.

Dalam konteks terkini, huraian definisi berkaitan dengan istilah Ahli Sunah Waljamaah sangat penting untuk ditekankan bagi menentukan sesuatu ajaran itu benar ataupun sebaliknya kerana pelbagai kumpulan ajaran sesat turut mendakwa bahawa ajaran mereka diambil daripada al-Quran dan hadis. Disebabkan oleh hal itu, para ulama meletakkan Ahli Sunah Waljamaah sebagai satu daripada kriteria utama untuk menjelaskan perihal ajaran sesat atau menyeleweng. Tambahan pula, sebahagian ulama memperincikan lagi Ahli Sunah Waljamaah kepada aliran akidah tertentu, khususnya Asya'irah dan Maturidiyah (rujuk kitab *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*). Perkara ini selari dengan beberapa hadis yang menjelaskan tentang perpecahan umat Islam, iaitu hanya Ahli Sunah Waljamaah diiktiraf sebagai golongan yang selamat dan diakui mengikuti jalan yang benar.

Sejarah Kemunculan Ajaran Sesat

Sejarah kemunculan ajaran sesat mula dikesan seawal zaman Rasulullah SAW lagi. Kumpulan pertama diketuai oleh Aswad al-'Unsi, seorang ahli nujum yang mendakwa dirinya menjadi penguasa dan nabi di Yaman. Kumpulan kedua diketuai oleh Musailamah al-Kadzab yang juga mendakwa dirinya menjadi nabi. Menurutnya, separuh bumi ialah miliknya dan separuh bumi lagi milik Rasulullah SAW. Kumpulan ketiga pula diketuai oleh Tulaihah Khuwailid yang turut mendakwa dirinya sebagai nabi. Perkara ini berlanjutan hingga zaman Khulafak al-Rasyidin dengan kemunculan beberapa lagi kumpulan ajaran sesat. Pada akhirnya, semua kumpulan ajaran sesat tersebut sebahagiannya telah dibunuh oleh para sahabat dan sebahagian yang lain telah bertaubat dan kembali kepada Islam.

Walau bagaimanapun, berdasarkan beberapa karya awal ulama Ahli Sunah Waljamaah seperti *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin* karangan Imam al-Asy'ari, *al-Farq Baina al-Firaq* karangan Imam al-Baghdadi, *al-Milal wa al-Nihal* karangan Imam al-Shahrastani dan *l'tiqadat Firaq al-Muslimin wa*

al-Musyrikin karangan Imam al-Razi, didapati pemikiran ajaran sesat terus berkembang dalam dunia Islam selepas zaman Khulafak al-Rasyidin. Bagi menghadapi situasi ini, para ulama pada ketika itu telah mengambil peranan yang proaktif untuk menjaga akidah umat Islam. Mereka berusaha menentang aliran dan fahaman tersebut dengan mengadakan penjelasan sama ada melalui tulisan ataupun lisan (kuliah pengajian), termasuklah perdebatan.

Sebagai contohnya, Imam al-Ghazali (m. 505H) selain terkenal dengan kritikan keras terhadap falsafah melalui karyanya, *Tahafut al-Falasifah*, beliau juga tegas melawan golongan sesat Batiniyah. Melalui karyanya, *Fadaih al-Batiniyyah*, beliau menjelaskan bahawa golongan Batiniyah berasal daripada Syiah (Isma'iliyah). Asas pemikiran mereka bercampur aduk dengan falsafah Greek dan kepercayaan serta amalan kuno terutamanya dari Parsi, namun mendakwa mereka ialah Islam. Mereka percaya bahawa setiap perkara zahir mempunyai makna batinnya yang hanya diketahui oleh Imam Mahdi (menurut versi mereka) serta para imam mereka. Oleh itu, golongan Batiniyah boleh mentafsirkan dan mentakwilkan nas al-Quran sesuka hati dengan pelbagai maksud yang disifatkan sebagai makna batin.

Melalui tempoh yang panjang, seiring dengan tersebarannya agama Islam di seluruh dunia, pemikiran ajaran sesat turut berkembang di pelbagai tempat termasuklah di Malaysia. Berdasarkan rekod, kumpulan ajaran sesat terawal yang dikesan ialah ajaran Taslim yang dibawa oleh Haji Ahmad Matahari pada tahun 1870-an di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Antara ciri ajaran Taslim termasuklah tidak perlu mendirikan solat kerana Allah SWT ada dalam badan apabila seseorang itu mengucap; solat boleh dilakukan secara niat sahaja; Haji Ahmad Matahari pengganti Rasulullah SAW; Islamnya seseorang hanya sah apabila dia berjumpa dengan rasul di Kampung Seronok; menunaikan haji memadai dengan sekadar mendaki Bukit Payong di Bayan Lepas, Pulau Pinang; dan bernikah secara batin.

Bentuk Ajaran Sesat di Malaysia

Berdasarkan takrifan tersebut, cakupan ajaran sesat lebih luas merangkumi pelbagai bentuk dan tidak terhad kepada ajaran sesat seperti ajaran Taslim sahaja. Penelitian penulis mendapati ajaran sesat dalam konteks di Malaysia pada masa ini terbahagi kepada tiga bentuk, iaitu ajaran berbentuk silam, ajaran berbentuk tempatan, dan ajaran berbentuk moden atau baharu.

1. Ajaran Berbentuk Silam

Ajaran ini merujuk fahaman atau aliran yang muncul pada awal sejarah pemikiran umat Islam seperti Syiah, Khawarij dan Muktazilah. Pada masa ini, aliran yang masih kekal dengan nama asal ialah Syiah, manakala sebahagian lagi berkembang dengan nama yang lain seperti kumpulan penganas Negara Islam Iraq dan Syam (ISIS) yang berpaksikan ideologi Salafi Jihadi, iaitu lanjutan daripada pemikiran Salafi – Wahabi dan Khawarij.

Semua negeri di Malaysia telah memfatwakan Syiah sebagai menyeleweng daripada akidah Ahli Sunah Waljamaah. Begitu juga dengan Salafi – Wahabi, dengan sebahagian negeri turut memfatwakannya sebagai bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah. Dalam hal ini, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia (MKI) pada tahun 2014 menyatakan bahawa aliran Syiah dan Salafi – Wahabi bukan sahaja terkait dengan permasalahan akidah, malah keduanya boleh memberikan ancaman terhadap perpaduan dan keharmonian umat Islam di Malaysia pada masa ini. Aliran ini jika dibiarkan tanpa pengawasan, berpotensi menjadi ancaman terhadap keselamatan negara sebagaimana yang ditunjukkan oleh kumpulan ISIS.

2. Ajaran Berbentuk Tempatan

Ajaran ini merujuk fahaman atau kumpulan yang muncul dari dalam masyarakat Islam setempat, atau dari negara Islam sekitar. Dalam konteks Malaysia, ajaran sesat bentuk ini boleh datang dalam dua keadaan, iaitu sama ada melalui kumpulan seperti ajaran Taslim, Ayah Pin dan al-Arqam ataupun melalui individu seperti sihir, khurafat dan perbomohan batin. Walau bagaimanapun, pengaruh melalui individu berasaskan kepercayaan dan amalan tradisi yang berhubung kait dengan perkara mistik kelihatan muncul lebih awal. Kemunculan mereka ini antaranya disumbangkan oleh faktor sejarah masyarakat Melayu pada zaman silam, iaitu sebelum kedatangan agama Islam, yang sebahagiannya berpegang pada animisme dan dinamisme, serta pengaruh agama Hindu dan Buddha.

Antara ciri kumpulan ajaran sesat berbentuk tempatan termasuklah:

- | | |
|----|--|
| a. | Berpegang pada akidah yang menyeleweng daripada Ahli Sunah Waljamaah. |
| b. | Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan hadis, termasuklah membuat pentafsiran yang menyeleweng. |
| c. | Ketua kumpulan selalunya akan mengangkat dirinya sebagai nabi, Imam Mahdi atau wali. |
| d. | Terlalu mendewakan ketua atau pemimpin kumpulan. |
| e. | Mempercayai wahyu masih turun hingga kini, secara lebih khusus kepada ketua kumpulan mereka. |
| f. | Memansuhkan kewajipan tertentu dalam ajaran Islam seperti menolak kewajipan solat fardu. |
| g. | Mengamalkan perbuatan khurafat dan mistik dalam amalan kumpulan. |

Ciri umum yang disenaraikan ini boleh dijadikan panduan oleh umat Islam untuk mengenal kumpulan ajaran sesat.

Selain itu, pengaruh kumpulan ajaran sesat tempatan juga boleh datang dari luar negara. Sebagai contoh, kumpulan Millah Abraham yang berasal dari Indonesia telah mempengaruhi sebilangan umat Islam di Malaysia untuk menjadi pengikut mereka. Antara dakwaan Millah Abraham termasuklah ajaran mereka yang paling benar kerana menunjukkan kesatuan semua agama samawi (Yahudi, Nasrani dan Islam). Maka itu, sesiapa yang tidak mempercayai dan mengikuti Millah Abraham dianggap sebagai sesat dan kafir. Lebih membimbangkan, pengasasnya, Ahmad Musadeq dan rakannya pernah menyertai kumpulan Negara Islam Indonesia. Maka itu, buku mereka secara jelas mempromosikan elemen tauhid,

dakwah, jihad, hijrah dan khalifah versi mereka. Perkara ini sekali gus berpotensi memberikan ancaman terhadap keselamatan negara.

3 Ajaran Berbentuk Moden

Ajaran ini merujuk fahaman atau aliran yang muncul pada fasa Barat moden berasaskan ideologi seperti sekularisme, liberalisme dan ateisme. Pelbagai pemikiran ini masuk ke dalam pemikiran umat Islam secara meluas, termasuklah di Malaysia, terutamanya pada zaman modenisme hingga sekarang, dengan usaha mentafsirkan semula ajaran Islam agar selari dengan prinsip ideologi Barat tersebut. Namun begitu, fatwa berkaitan dengan ajaran menyeleweng berbentuk moden di Malaysia banyak difokuskan kepada aliran Islam liberal. Fatwa MKI pada tahun 2006 menyatakan bahawa aliran pemikiran Islam liberal yang berakar daripada liberalisme di Barat menyeleweng daripada akidah dan syariat Islam. Mereka menjadikan akal sebagai neraca timbangan dalam semua perkara, dan mendakwa sebagai neo-Muktazilah.

Fatwa MKI ini kemudiannya diikuti oleh beberapa negeri yang turut memfatwakan penyelewengan pemikiran Islam liberal. Fatwa Selangor pada tahun 2014 juga mengharamkan fahaman liberalisme dan pluralisme agama dengan memfokuskan kepada kumpulan Sisters in Islam (SIS). Selain itu, Selangor dan beberapa negeri lain turut memfatwakan kesesatan golongan antihadis yang terpengaruh dengan idea orientalis. Mereka mendakwa hanya berpegang pada al-Quran (tanpa hadis), lantas menjadikan mereka sebagai golongan *Quraniyyun*. Semua ajaran sesat berbentuk moden atau baharu ini sangat perlu diketengahkan dalam masyarakat Islam di Malaysia pada masa ini memandangkan hal tersebut kurang mendapat perhatian. Perhatian lebih banyak diberi kepada ajaran sesat berbentuk tempatan.

Bagi mendepani dan seterusnya menolak semua bentuk ajaran sesat tersebut, umat Islam di Malaysia secara individu perlu memahami akidah Ahli Sunah Waljamaah secara terperinci. Paling kurang terdapat lima ciri umum Ahli Sunah Waljamaah yang perlu diketahui, iaitu:

- Berpegang teguh pada ajaran Islam yang sebenar atau hakikat ilmu yang sebenar secara menyeluruh.
- Merupakan golongan majoriti umat Islam (*al-Sawad al-A'zam*), yang juga majoriti ulama.
- Berpegang teguh pada dalil naqli daripada al-Quran dan sunah, serta diperkuat oleh dalil aqli termasuklah ijmak ulama.
- Berpegang pada aliran atau mazhab muktabar dalam akidah (*Asya'irah* dan *Maturidiyah*), syariah (empat mazhab) dan tasawuf (Sunni).
- Menjadi golongan yang lurus – benar dan juga adil – seimbang atau wasatiyah.

Perlu dicatatkan juga bahawa perkembangan dan penularan ajaran sesat pada masa ini tidak lagi tertumpu secara tradisional semata-mata seperti mengajar atau usrah bersemuka di rumah. Sebaliknya, seiring dengan era Revolusi Perindustrian 4.0, kumpulan ajaran sesat turut menggunakan wahana Internet untuk menyebarkan diayah mereka. Hal ini menjadikan ajaran sesat semakin rumit untuk ditangani secara menyeluruh oleh pihak berkuasa agama Islam. Bukan itu sahaja, pergerakan kumpulan ajaran sesat pada masa ini turut menggunakan pelbagai kaedah dan platform. Ada yang berselindung di balik nama syarikat perniagaan, pertubuhan kebajikan, nama sekolah atau madrasah dan nama tokoh tertentu.

Sebagai rumusannya, dapat difahami bahawa bentuk ajaran sesat amat luas merangkumi ajaran berbentuk silam, tempatan dan moden atau baharu. Semua bentuk ajaran sesat ini perlu diberi perhatian yang serius. Bagi mengekang penularan pelbagai ajaran sesat tersebut di Malaysia pada masa ini, semua pihak perlu berganding bahu bekerjasama mengikut peranan masing-masing bagi menjelaskan tentang bahaya ajaran sesat kepada setiap umat Islam.

Pada masa yang sama, penulis ingin mencadangkan sebuah pelan strategik dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) agar proses pembanterasan ajaran sesat dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Kejayaan membangunkan pelan ini sekali gus memperkukuh akidah Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. 🕌